



**MALYSIAN SOCIETY OF
AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS**
Est. 1982

SPECTRUM

MSAE

ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN



SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

PERJUMPAAN EXCO MSAE BERSAMA MSAE-SC POLITEKNIK KOTA BHARU (PKB)

Pada 2 Julai 2019 yang lalu, Exco MSAE yang terdiri daripada Presiden MSAE iaitu Prof. Madya Dr Rosnah, Dr Muhamad Saufi yang merupakan Timbalan Pentadbiran MSAE Sesi 2019/2021 baru dan Dr Hazwan Hamzah selaku Setiausaha I MSAE telah mengadakan kunjungan ke MSAE-SC cawangan PKB sebagai siri jelajah bagi memberi penerangan tentang aktiviti MSAE-SC.



Gambar 1: Pelajar yang hadir sesi penerangan MSAE-SC oleh Timbalan Presiden Pentadbiran MSAE 2019/2021

Pada hari yang sama juga, MSAE telah menandatangani NDA bagi memperbaharui kerjasama dengan PKB.



Gambar 2: Majlis memeterai NDA antara MSAE dan PKB

TERBITAN : 03/2019

PRESIDEN MSAE MENJADI PEMBENTANG UCAPTAMA DI ISABE2019

Pada 7 Ogos 2019 yang lalu, Presiden MSAE telah menghadiri ISABE2019 dan menjadi pembentang ucap tama di 3rd International Symposium on Agricultural and Biosystem Engineering (ISABE2019) yang berlangsung di Universitas Hasanuddin, Makassar, Indonesia. Konferens yang berlangsung pada 6-8 Ogos 2019 turut dihadiri Presiden PERTETA dan KSAM (Korean Society of Agricultural Machinery).



Gambar 3: Presiden MSAE Bersama Presiden ISAE and KSAM

LAWATAN TEKNIKAL EXCO MSAE KE KILANG VITATO DAN KILANG PADI PPK GERAI

Pada 15 Ogos 2019 yang lalu, dengan kerjasama dan jempunan dari Lembaga Pertubuhan Peladang, satu lawatan teknikal oleh EXCO MSAE telah diadakan di kilang vitato, Kg. Tembila, Terengganu. Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat potensi pengoperasian kilang vitato di dalam mengkomersialkan tepung vitato bagi pasaran di Malaysia. EXCO juga turut melawat Kilang Padi milik LPP di Gerai, Terengganu.



Gambar 4: Lawatan teknikal Exco MSAE ke Kilang Padi.

JEMPUTAN MSAE KE SYARAHAN INAUGURAL MANTAN PENASIHAT MSAE, PROF.IR.DR. AZMI YAHYA

Pada 8 November 2019, Exco MSAE telah dijemput menjadi tetamu bagi syarahan inaugural Mantan Penasihat MSAE iaitu Prof. Ir Dr Azmi Yahya. MSAE turut membantu membuat hebahan kepada ahli MSAE. Majlis berlangsung di Auditorium Jurutera Radin Umar. Tajuk syarahan inaugural Prof. adalah "Mechanization Technology Infusion in crop Production for "Q&Q". MSAE telah menyumbangkan 10 topi MSAE kepada dif-dif jemputan Prof. Majlis turut dihadiri oleh tetamu jemputan MSAE iaitu Ir. Hj Puzi, mantan exco MSAE juga wakil dari MARDI.



Gambar 11: Poster hebahan inaugural Mantan Penasihat MSAE di laman mukabuku MSAE.



Gambar 12: Exco MSAE Bersama jemputan di majlis makan tengahari setelah inaugural Prof. Ir. Dr. Azmi Yahya.

TAHNIH DARI MSAE KEPADA AHLI KEHORMAT MSAE, PROF.EMERITUS IR DR WAN ISHAK WAN ISMAIL

Bersempena majlis konvokesyen UPM ke-43 yang lalu, Ahli Kehormat MSAE iaitu Ir Dr Wan Ishak Wan Ismail telah menerima penganugerahan sebagai Profesor Emeritus pada 17 November 2019 yang lalu. Penganugerahan ini amat bermakna kepada MSAE kerana beliau telah banyak menyumbang ke arah membangunkan kurikulum dan program berkaitan kejuruteraan pertanian di Malaysia. Seterusnya, menyumbang ke arah melahirkan graduan yang berkerjaya di dalam jurutera pertanian dan


Makanan di Malaysia. MSAE mengucapkan tahniah kepada Prof. Emeritus Ir Dr Wan Ishak Wan Ismail.



Gambar 13: Prof. Emeritus Ir Dr. Wan Ishak Wan Ismail di hari penganugerahan beliau di majlis konvokesyen UPM.

PROMOSI KONFERENS MSAE 2020

Semua ahli MSAE dijemput menyertai Konferens MSAE 2020 yang bakal diadakan di Ibu Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang pada 7-8 April 2020. MSAE juga telah memperbaharu laman sesawang ke msae.my



KONFERENS

MSAE 2020

MALAYSIAN SOCIETY OF AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS
Est. 1982

7 - 8 APRIL 2020

Makanan Kita, Masa Depan Kita

TEMPAT

MENARA LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50480 KUALA LUMPUR

TOPIK

- KEJURUTERAAN LEPASTUAI DAN MAKANAN
- MEKANISASI DAN AUTOMASI PERTANIAN
- MAKLUMAT DAN TEKNOLOGI PERTANIAN
- AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
- PENGURUSAN SUMBER DAN BAHAN BUANGAN PERTANIAN
- PENGEMBANGAN PERTANIAN

PESERTA

PEMBAUT DASAR, KETUA JABATAN, PENGURUS, JURUTERA, SAINTIS, AKADEMI, USAHAWAN, & PENGUSAHA LADANG

TARIKH PENTING

PANGGILAN KEDUA (ABSTRAK) | 1 SEP 2019
TARIKH AKHIR PENGHANTARAN ABSTRAK | 1 DEC 2019
HEBAHAN PENERIMAAN ABSTRAK | 31 DEC 2019
TARIKH AKHIR PENGHANTARAN ARTIKEL PENUH | 15 JAN 2020
HEBAHAN PENERIMAAN ARTIKEL PENUH | 15 FEB 2020
TARIKH AKHIR PENGHANTARAN ARTIKEL "CAMERA READY" | 15 MAC 2020

YURAN

YURAN AHLI | RM 300
YURAN BUKAN AHLI | RM 400


PERHUBUNGAN

SEKRETARIAT KONFERENS MSAE
FAKULTI KEJURUTERAAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
43400 SERDANG, SELANGOR D. E.
MALAYSIA
konferensmsae2020@gmail.com

Segala urusan pendaftaran, penghantaran kertas konferen dan pembayaran boleh dibuat melalui laman sesawang <http://msae.my>

PENGANJUR
PERSATUAN JURUTERA PERTANIAN & MAKANAN MALAYSIA (MSAE)

Scan me



SELAMAT TAHUN BARU 2020 dari EXCO MSAE 2019/2021